

U B004 DEB

1984.

MAHATHIR-KEJAYAAN

SEMENYIH, 4 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MAHU SEMUA PENDUDUK MALAYSIA MEMPUNYAI RANCANGAN TERSENDIRI UNTUK PEMBANGUNAN DIRI DAN KELUARGA MASING-MASING UNTUK MENENTUKAN KEJAYAAN MEREKA DAN NEGARA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN MEREKA TIDAK PATUT MENGHARAPKAN PROGRAM PEMBANGUNAN YANG MEMANGNYA DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN TETAPI YANG LEBIH UTAMA IALAH PROGRAM TERSENDIRI SEBAGAI PEDOMAN UNTUK KEJAYAAN HIDUP.

+KITA SEMUA PERLU MEMPUNYAI RANCANGAN UNTUK MEMBAIKI TARAF HIDUP KITA, MENINGGIKAN PENDAPATAN, BEKERJA DENGAN RAJIN UNTUK MENDAPATKAN PANGKAT TINGGI DAN RANCANGAN UNTUK KEBAIKAN KAUM DAN MASYARAKAT.

+IBU BAPA UMPAMANYA, PERLU MEMPUNYAI RANCANGAN UNTUK MEMBERIKAN PENDIDIKAN TINGGI KEPADA ANAK MASING-MASING SEHINGGA KE UNIVERSITI SUPAYA MEREKA LEBIH DIHORMATI OLEH MASYARAKAT,+ TAMBAHNYA KETIKA BERUCAP KEPADA LEBIH 5,000 PENDUDUK SEMENYIH DI PADANG BANDAR INI SEBELUM MENGAKHIRI LAWATAN TIGA HARINYA KE SELANGOR.

DR. MAHATHIR PERCAYA TANPA RAKYAT YANG MEMPUNYAI PROGRAM UNTUK MEMBAIKI KEHIDUPAN, NEGARA KELAK TIDAK AKAN MENCAPAI KEJAYAAN SUNGGUHPUN PELBAGAI PROGRAM DILAKSANAKAN UNTUK DINIKMATI OLEH MEREKA.

- LAGI.

1954MST 04 12 84

U B010 DEB

MAHATHIR-KEJAYAAN 2 SEMENYIH

+KERAJAAN BOLEH MENJALANKAN PELBAGAI PROGRAM TETAPI IA TIDAK DAPAT MENDATANGKAN HASIL YANG DIHARAPKAN SELAGI RAKYAT TIDAK MEMPUNYAI PROGRAM YANG KHUSUS UNTUK MEMBAIKI DIRI.+

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN SENTIASA INGINKAN KEMAJUAN RAKYAT DAN NEGARA AGAR DIPANDANG TINGGI OLEH DUNIA DAN SEBAB ITULAH BELIAU SERING MENEKANKAN NILAI-NILAI YANG BAIK SEPERTI RAJIN BERHIDUP, BERDISIPLIN DAN BERAMANAH DALAM UCAPANNYA DI SELURUH NEGARA.

SARAJA BOLEH MENGUMUMKAN UMPANNYA DALAM PERHIMPUNAN YANG BESI KEMAT BAYA AKAN MEMBERIKAN PERUNTUKAN BERIBU-RIBU JUVA BAGI BUKASAM INI. TETAPI KERAJAAN HARI INI TIDAK PERCAYA DENGAN JANJI KOSONG YANG TIDAK BOLEH DITUNAIKAN.

KITA MEMANG BERJANJI UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK PEMBANGUNAN DIRI SENDIRI TETAPI KITA JUGA MENUNYIKAN PERHATIAN KEPADA BILAK-UTARI NEGARA NEGARA BERJAYA. JIKA CITA-CITA KITA INI GAGAL, BAKA MEBARA LAK RAKYAT AKAN TERUS MISKIN DAN DIHINA OLEH DUNIA,+ TEBASNYA.

DR. MAHATHIR MEMINTA SEMUA PENDUDUK MENGAWAL DIRI, BERDISIPLIN COSTA BERHEMAN TINGGI AGAR MEREKA MENDAPAT TEMPAT DI NEGARA INI DAN DINIKMATI OLEH OLEH MASYARAKAT SEKELILING. - LAGI.

2019MST 04 12 84

0 0013 DEB

MAHATHIR-KEJAYAAN 3 SEMENYIH

DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU SEDAR BAHAWA ADA PENDAPAT YANG MENYATAKAN KERAJAAN SEKARANG TERLALU BANYAK MELAUNGKAN SLOGAN SEPERTI BERSIH, CEKAP DAN AMANAH DAN KEPIMPINAN MELALUI TELADAN. BAGAIMANAPUN, BELIAU YAKIN SUNGGUHPUN SLOGAN SEUMPAMA ITU KINI TIDAK POPULAR, TETAPI PADA SATU HARI KELAK RAKYAT AKAN MENYEDARI KEBAIKANNYA.

BELIAU BERKATA SLOGAN-SLOGAN YANG DICIPTA ITU SEMATA-MATA UNTUK MENGGERAKKAN RAKYAT AGAR MEREKA DAPAT BERBANGGA MEMPUNYAI SATU SIFAT BAIK YANG BOLEH MEMBAWA KEJAYAAN KEPADA MEREKA DAN NEGARA.

DALAM HUBUNGAN INI, PERDANA MENTERI MENYERU SEMUA PENDUDUK SUPAYA BERKORBAN DAN JANGAN CUMA INGIN MENDAPATKAN NIKMAT SERTA-MERTA TETAPI SEBALIKNYA PERLU LEBIH MENGIKATI KEJAYAAN YANG BOLEH DICAPAI DALAM MASA JANGKA PANJANG.

KATANYA, NEGARA KINI MENCAPAI KEJAYAAN DAN DIHORMATI OLEH DUNIA JIKA DIBANDINGKAN DENGAN MASA LALU DAN JUGA NEGARA MEMBANGUN YANG LAIN.

BOLEH KERANA KITA DIKENALI DI DUNIA SEBAGAI NEGARA YANG AMAN TENTERAK, CEKAP PENTADBIRANNYA DAN STABIL KEDUDUKANNYA, MAKA PARA PEMIMPIN KITA MENDAPAT LAYANAN SEWAJARNYA APABILA MELAWATI LUAR NEGERI. DI SAMPING ITU KINI HAMPIR SETIAP MINGGU PEMIMPIN ASING DATANG KE NEGARA INI,+ KATANYA. - BERNAMA.

2028MST 04 12 84